



SMK KUDAT II
Peti Surat 505, 89058 Kudat, Sabah

Nama :

Tingkatan :

.....

UJIAN 1
TINGKATAN 1
ASAS SAINS KOMPUTER
Februari
2017
2 jam

Dua jam


JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruang yang disediakan.
2. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. Kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA		
NAMA PEMERIKSA :		
SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
1	3	
2	3	
3	3	
4	3	
5	3	
6	3	
7	3	
8	4	
9	10	
10	3	
11	5	
12	1	
13	1	
14	5	
JUMLAH	50	

Arahan: Jawab **semua** soalan dalam ruangan yang disediakan

1 Lengkapkan proses pemikiran komputasional berikut.



[3 Markah]

2. Rajah berikut menunjukkan Afiq ingin membuat sandwic untuk rakan sekelasnya.



Mengikut teknik leraian, pecahkan masalah ini kepada **tiga** masalah kecil dalam membuat sandwic.

1. _____
2. _____
3. _____

[3 markah]

3. Tandakan (✓) bagi teknik pemikiran komputasional yang **betul** dan (✗) bagi yang **salah** pada petak yang disediakan.

Teknik leraian

☐

Teknik pengecaman corak

☐

Teknik bahagi


☐

[3 *markah*]

4. Berikut adalah langkah-langkah dalam proses pemikiran komputasional. Susun langkah-langkah tersebut mengikut susunan. Langkah 2 telah diberi. Tuliskan susunan **1,3** dan **4** dalam ruangan yang disediakan. Langkah ke-2 telah diberi.

Proses Pemikiran	Langkah
Sediakan satu modul penyelesaian masalah	
Kenalpasti corak yang sama	2
Masalah perlu dipecahkan	
Perkara yang tidak penting ditinggalkan	

[3 *markah*]



Berdasarkan teknik-teknik pemikiran komputasional di atas, padankan teknik berlabel **A**, **B**, dan **C** dengan definasinya yang betul dengan menulis huruf di petak yang disediakan.

- Pemecahan suatu masalah atau system yang kompleks kepada bahagian-bahagian kecil bagi memudahkan penyelesaian.
- Penelitian pada kesamaan dan corak dalam masalah yang lebih kecil dapat membantu menyelesaikan masalah kompleks dengan lebih berkesan.
- Membina model seperti formula, teknik, peraturan atau langkah-langkah bagi menyelesaikan masalah.

[3 *markah*]

6. Tandakan (✓) pada kemahiran yang **perlu ada** untuk melaksanakan pemikiran komputasional dan (x) pada kemahiran yang **kurang perlu** di ruang yang disediakan.

Kemahiran Berilustrasi

☐

Kemahiran Bekerja Sepasukan

☐

Kemahiran Kreativiti

☐

[3 markah]

7. Teknik peniskalaan membahagikan proses penyelesaian masalah kepada aspek penting dan kurang penting. Tandakan (✓) pada aspek yang **penting** dan (x) pada aspek **kurang penting** dalam penyelesaian masalah untuk mengurangkan berat badan.

Waktu makan yang teratur

☐

Tiada pembaziran makanan


☐


Amalan senaman yang berterusan

☐

[3markah]

8. *Lengkapkan proses pemikiran komputasional mengikut susunan yang betul di dalam kotak yang disediakan.*





[4 markah]

9. Nyatakan teknik pemikiran komputasional yang sesuai untuk setiap pernyataan berikut.

Pernyataan	Teknik
1. Dalam kedua-dua cerita Cinderella dan Bawang Putih Bawang Merah, watak utama dilayan dengan buruk oleh keluarga tiri. Tetapi, Cinderella mempunyai dua orang kakak tiri manakala Bawang Merah mempunyai seorang kakak tiri.	
2. Sebelum membuat karangan, Suraya merangka karangannya dahulu untuk setiap perenggan.	
3. Cikgu Razali mengajar cara membuat rumusan daripada petikan yang panjang.	
4. Rumus matematik untuk mencari luas segi empat tepat ialah panjang darab lebar.	
5. Dalam peta, bentuk muka bumi yang penting sahaja	

ditunjukkan.	
6. Cikgu memberikan tugas melabel bahagian-bahagian pokok.	
7. Komputer polis boleh mengesan penjenayah dengan menggunakan sistem yang mengenal pasti cap jari.	
8. Diego Costa sedang menjawab soalan peperiksaan Bahasa Inggeris. Dia membaca petikan yang panjang dan menggariskan isi penting sahaja.	
9. Kelas 1 Ibnu Khaldun hendak merancang membeli barang bagi majlis perpisahan guru kelas mereka.	
10. Ketika membaca buku cerita, Rakesh hanya membaca bahagian sinopsis sahaja untuk mendapatkan isi pentingnya.	

[10 markah]

10. Isikan tempat kosong dengan nombor yang betul.

7	10	13	16
9	12		18
11			20
13	16	19	22

[3 markah]



11. *Rajah di bawah menunjukkan enam orang pelajar yang mempunyai berat badan yang berbeza di sebuah kelas. Susun berat badan pelajar mengikut urutan menaik dengan menunjukkan langkah-langkah susunan tersebut.*



Jawapan :

[5 markah]

12. Lengkapi pola corak pada rajah di bawah.




Jawapan :

[1 markah]

13. Lengkapi pola corak pada rajah di bawah.

4



Jawapan :

[1 markah]

14. Anda dilantik sebagai ketua rombongan bagi satu penjelajahan hutan. Terdapat beberapa kumpulan yang akan mengambil bahagian seperti dalam jadual di bawah.

Kumpulan	Pengakap	KRS	Pandu Puteri	PBSM	PKBM	Puteri Islam
Ahli (orang)	18	12	14	16	18	12

Peserta akan ditempatkan di tiga buah kem yang berbeza. Setiap kem dapat memuatkan 30 peserta. Setiap kumpulan mestilah ditempatkan dalam kem yang sama. Tunjukkan bagaimana anda menyelesaikan masalah ini.

Jawapan :

-
-
-
-
-
-
-
-
-

[5 markah]

- KERTAS SOALAN TAMAT -

Disediakan oleh :

.....

.....
(PN NORLEYNEE BT RAZALI)
GURU ASAS SAINS KOMPUTER